

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



PROGRAM LAWATAN AKADEMIK PELAJAR KE ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI MELAKA PADA 22 MEI 2023

Pada 22 Mei 2023 bersamaan hari Isnin, bermula pada pukul 9 pagi sehingga pukul 12 tengah hari, seramai 36 orang pelajar berserta dua orang pensyarah pengiring daripada Pengajian Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau iaitu Encik Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli dan Encik Mohd Ridzuan Bin Ibrahim telah mengadakan program lawatan akademik ke Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka, yang beralamat di Aras 8, Menara Persekutuan, Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka ini diketuai oleh Encik Datu Royniehasim Bin Datu Pindatun sebagai pengarah dan dibantu oleh kakitangan yang seramai lapan orang. Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka ini ditubuhkan secara rasmi pada 1 September 2014. Secara ringkasnya, peranan organisasi ini ialah memberi khidmat nasihat dan rundingan kepada jabatan-jabatan kerajaan di sekitar Negeri Melaka tentang etika dan langkah pengurusan rekod awam yang mapan, sistematik dan berkesan demi menjamin pemeliharaan rekod awam yang selamat. Selain itu ia juga berperanan memperoleh bahan arkib yang bernilai kekal untuk disimpan kekal dan selamat bagi kegunaan rujukan generasi kini dan akan datang.

*Ahmad Azman bin
Mohamad Ramli*

*Pengajian Maklumat,
Kolej Pengajian
Pengkomputeran, Informatik
dan Media
UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*



Gambar 1: Peserta lawatan bergambar ramai bersama kakitangan Arkib Negara Melaka

Program lawatan akademik ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang amalan pengurusan bahan arkib yang sedang diamalkan oleh institusi arkib. Semasa lawatan, para pelajar telah diberi taklimat oleh kakitangan Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka tentang peranan institusi ini dalam memelihara dan mempromosi kepentingan bahan arkib yang terdapat di Negeri Melaka. Selain itu, para pelajar juga telah diberi peluang melihat demonstrasi kerja-kerja pemuliharaan bahan arkib yang dikendalikan para kakitangan Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka.



Gambar 2: Pelajar sedang melihat demonstrasi pemuliharaan bahan arkib

Program lawatan akademik ini berakhir pada pukul 12.00 tengah hari dan diakhiri dengan sesi bergambar bersama semua kakitangan Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka dan penyerahan cenderamata. Para pelajar telah memberikan maklum balas positif bahawa program lawatan akademik ini telah berjaya menambahkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan pengurusan bahan arkib. Para pelajar juga menyatakan kegembiraan kerana melalui program lawatan akademik ini, mereka telah berpeluang melakukan secara praktikal sebahagian tugas-tugas pengurusan arkib yang mereka sedang pelajari secara teori di dalam bilik kuliah di kampus. Kesimpulannya program lawatan akademik ini wajar diteruskan dari masa ke semasa kerana didapati banyak memberikan sumbangan kepada kemajuan akademik para pelajar yang menyertai lawatan.